

Bagaimana harus saya mempersiapkan diri untuk sesi pengantaraan?

✎ **Bincangkan tentang kes bersama dengan peguam anda sebelum sesi pengantaraan.** Ingat bahawa tujuan pengantaraan bukan untuk menentukan siapa yang bersalah tetapi untuk menerokai peluang penyelesaian. Perkara-perkara berikut mungkin boleh dibincangkan bersama peguam anda:

- Keprihatinan anda yang harus ditangani bagi menyelesaikan pertikaian ini (seperti pampasan kewangan, memelihara hubungan dengan pihak yang satu lagi, atau pengakuan atas kesalahan yang telah dilakukan)
- Kekuatan dan kelemahan kes anda, dan juga risiko-risiko yang terlibat jika perbicaraan diteruskan;
- Kos yang mungkin harus ditanggung jika kes diteruskan untuk perbicaraan (seperti masa, kos guaman dan reputasi) dan sama ada anda sanggup untuk menanggungnya;
- Cara-cara yang mungkin boleh digunakan untuk menyelesaikan pertikaian melalui sesi pengantaraan, dan apa reaksi pihak yang satu lagi terhadap cadangan-cadangan tersebut.

✎ **Mempunyai fikiran yang terbuka.** Tujuan pengantaraan ialah untuk anda berkomunikasi dengan pihak yang satu lagi dan berfikiran terbuka untuk berunding. Untuk keberkesanan proses ini, anda harus bersedia mendengar pandangan dari pihak yang satu lagi dan bekerjasama dengan pengantara dan pihak yang satu lagi untuk mendapatkan penyelesaian yang berjaya bagi semua.

✎ Jika anda mewakili organisasi atau syarikat, harap pastikan anda mempunyai **kuasa yang sepenuhnya untuk berunding dan membuat keputusan.** Jika anda perlu merujuk pada seseorang, pastikan ia dapat dihubungi menerusi telefon semasa sesi pengantaraan.

✎ Sila **bawa bersama semua dokumen-dokumen yang berkaitan** dengan pertikaian tersebut. Ini termasuk surat-surat, pertukaran e-mail, invois, persetujuan kontrak, laporan pakar serta gambar-gambar.

✎ Sila **tiba awal** dan berikan masa yang mencukupi untuk sesi tersebut.

✎ Anda mungkin ingin **menonton video** yang menerangkan proses pengantaraan ini, di laman www.statecourts.gov.sg (maklumat tentang pengantaraan/penyelesaian pertikaian alternatif).

Apa akan berlaku jika tiada penyelesaian setelah sesi pengantaraan berulang kali diadakan?

Apabila sesuatu kes tidak dapat diselesaikan melalui pengantaraan, pihak-pihak berkenaan akan diarahkan untuk mengambil langkah-langkah yang wajar dalam jangka masa yang ditetapkan supaya hal tersebut dapat diteruskan untuk perbicaraan mahkamah (seperti memfailkan affidavit bukti-bukti yang menyokong kes). Perbicaraan seperti ini akan diadakan di hadapan seorang Hakim dalam mahkamah sivil. Hakim yang telah menjadi pengantara kes anda tidak akan menjadi Hakim semasa perbicaraan. Maklumat yang dibincangkan semasa proses pengantaraan akan kekal dirahsiakan dan tidak akan didedahkan kepada Hakim perbicaraan.



Pengecualian:

Penerbitan ini adalah sekadar maklumat am sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat guaman. Hubungi mana-mana peguam jika anda perlukan nasihat guaman. Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa perkara atau masalah yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan kandungan penerbitan ini.

Mahkamah Negara
1 Havelock Square
Singapore 059724
Tel: 1800-JUSTICE (1800-5878423)
www.statecourts.gov.sg

Pusat bagi
Huraian Pertikaian
Mahkamah Negara

Penyelesaian pertikaian alternatif

Penyelesaian

Pengantaraan

Persetujuan bersama

Sulit

Peribadi

Persediaan
Untuk
Pengantaraan

- Apa itu pengantaraan?
- Bagaimanakah pengantaraan mahkamah berbeza dengan perbicaraan?
dan maklumat lain

Persediaan Untuk Pengantaraan

Apa itu pengantaraan?

Pengantaraan adalah cara untuk menyelesaikan pertikaian tanpa melalui perbicaraan di Mahkamah. Pengantara akan menyelaraskan dan mengadakan rundingan demi mencapai satu persetujuan yang saling diterima semua pihak bagi menangani pertikaian mereka.

Bagaimanakah pengantaraan mahkamah berbeza dengan perbicaraan?

Faktor	Pengantaraan	Perbicaraan
Kawalan ke atas keputusan	Pengantara tidak akan membuat keputusan atau menentukan siapa yang bersalah di dalam pertikaian anda. Pengantara tersebut akan memberi perhatian dalam membantu anda dan pihak yang satu lagi untuk mencari penyelesaian yang menepati keprihatinan dan keperluan anda. Anda dan pihak yang satu lagi adalah orang-orangnya yang akan memutuskan samada hendak menyelesaikan pertikaian tersebut, termasuk butir-butir penyelesaian pertikaian itu.	Anda melepaskan kawalan kepada Hakim perbicaraan yang akan mendengar bukti-bukti dan membuat keputusan yang anda harus terima.
Kerahsiaan	Segala perbincangan di antara semua pihak semasa sesi pengantaraan akan kekal tertutup dan dirahsiakan . Sekiranya anda dan pihak yang satu lagi berjaya mencapai penyelesaian, anda juga boleh memohon agar butir-butir penyelesaian yang anda setuju itu dirahsiakan. Sekiranya tiada penyelesaian dan kes tersebut dibicarakan, perbicaraannya akan dilangsungkan di hadapan seorang Hakim lain.	Perbicaraan mahkamah dibuka untuk orang ramai .
Tanpa prasangka	Segala perbincangan semasa sesi pengantaraan dijalankan " tanpa prasangka ", iaitu, segala yang dikatakan oleh anda atau pihak yang satu lagi tidak akan digunakan ke atas anda sebagai bukti sekiranya kes tersebut dibicarakan.	Segalanya yang anda katakan dalam mahkamah adalah bukti dan boleh digunakan ke atas anda
Fleksibel	Proses pengantaraan adalah fleksibel dan tidak formal .	Perbicaraan mahkamah adalah formal .
Kos	Menyelesaikan pertikaian anda melalui pengantaraan, secara amnya, adalah lebih murah kerana anda akan menggunakan masa yang lebih sedikit untuk menyelesaikan pertikaian anda, dan anda dapat menjimatkan kos guaman yang sepatutnya anda belanjakan untuk perbicaraan (untuk kes sivil).	Kos perbicaraan mahkamah dikenakan setelah hari pertama perbicaraan. Selain dari kos perbicaraan mahkamah, anda harus membayar kos guaman untuk menyiapkan kes dan menghadapi perbicaraan.

Apa yang saya harapkan berlaku dalam sesi pengantaraan saya?

Pertikaian anda akan dirundingkan oleh seorang Hakim atau pun Pengantara Sukarela yang telah dilatih dan diberi pentauliahan oleh Mahkamah Negara dan Pusat Pengantaraan Singapura.

Sesi pengantaraan anda akan mengambil masa lebih kurang tiga jam. Anda dan pihak yang satu lagi mungkin mencapai satu penyelesaian di akhir sesi tersebut. Bagi kes-kes tertentu, anda mungkin diminta untuk menghadiri sesi pengantaraan sekali lagi.

Setiap sesi pengantaraan biasanya mengandungi langkah-langkah berikut:

